

NAMA PENUH : _____

KELAS : _____

LATIHAN KATA GANDA (PENUH,BERIMBUHAN DAN MAJMUK)

A) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang **betul pada ruang jawapan** yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Jalan raya - jalan raya di sekitar Shah Alam terpaksa ditutup untuk dibaiki dan diturap kerana kerosakan akibat kenderaan berat.

2. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan untuk memupuk semangat perpaduan adalah seperti mengadakan aktiviti Kemasyarakatan dan kempen.

3. Bunyi salakan anjing itu senyap-senyap kedengaran pada waktu malam.

4. Sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini tetap akan disambut secara terang- benderang dengan mematuhi SOP yang disediakan oleh kerajaan.

5. Cadangan penduduk Kampung Lombong untuk membina surau baharu diterima mentah-mentah oleh ketua kampung.

6. Budak-budak nakal itu saling tolak-menolak semasa beratur membeli makanan di kantin sekolah.

B) Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan** penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

1. **Beberapa deret rumah-rumah** di perkampungan itu terbakar petang semalam kerana litar pintas.

- A. Beberapa rumah
- B. Berapa deretan rumah
- C. Beberapa deretan rumah
- D. Beberapa deret rumah-rumah

2. Penceramah itu diujani **berbagai soalan** oleh para pelajar tentang topik yang sedang hangat diperkatakan itu.

- A. berbagai soalan-soalan
- B. pelbagai soalan-soalan
- C. berbagai-bagai soalan
- D. berbagai soalan

C) Ayat di bawah **mungkin betul** dan **mungkin salah**. Jika **terdapat kesalahan**, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A, B** atau **C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**. Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. **Pekebun-pekebun** itu berpuas hati kerana **sayur-sayuran** tanaman mereka hidup subur dan

segar-segar belaka. **Tiada kesalahan.**

D) Pilih ayat yang menggunakan perkataan **berhuruf condong** dengan betul.

1. I Belum *sudah-sudah* lagi kerja yang dilakukan oleh Encik Faris itu.

II "*Sudah-sudahlah*, jangan menangis lagi," kata Adib kepada Adila.

III Tidak *sudah-sudah* keluarga Yahya ditimpa nasib malang.

IV Nasi yang ditanak oleh Mak Kiah belum *sudah-sudah* lagi.

- A. I dan II sahaja
- B. III dan IV sahaja
- C. I, II dan III sahaja
- D. I, II dan IV sahaja